

Naratif sebagai Strategi Pembujukan dalam Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-12 Tahun 2008 di Malaysia

ABSTRACT

The Barisan Nasional (BN) manifesto was specially launched for the 12th general election (12 GE) to address the concerns of the people and to ensure that the needs of all Malaysians are being seriously looked into. It was clearly indicated from providing scholarships to children from the needy families to strengthening the police force to enhancing the standard of education, as well developing Chinese new villages and providing assistance to small-and-medium-scale industries. The Barisan manifesto has addressed all the concerns of the people. The manifesto is a guarantee of security, peace and prosperity for all the races. The Barisan track record of service and development is there for all to see. The narrative techniques explicitly applied in BN's manifesto. It permits voters and grassroots to interpret the political and economy agenda championed by the BN (Barisan Nasional) as ruling party. Voters are able to judge for themselves the candidates and BN on how they speak and communicate with their agenda in such a content. The BN's manifesto took centre stage as in all other mainstream media. Is the manifesto was merely propaganda or was being set to get an attention from publics? Indeed, the presentation of report card of Ninth Malaysian Plan was objectively drawn people's mind on how government run the business. This paper tries to analyse method and technique of the BN's campaign in the General Election and responses and judgement of Malaysian voters to it.

Key words: *the Barisan Nasional manifesto, general election in Malaysia, narrative techniques and voters' judge.*



Syahrudin Hj. Awg. Ahmad, M.A. ialah Pensyarah pada Program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau menamatkan B.A.Hons dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam *Mass Communication (Public Relations)* tahun 1997; dan M.A. dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam *Communication (Government Public Relations)* tahun 2003. Beliau adalah ahli profesional dalam Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM); dan bidang pengkhususan penyelidikan beliau adalah Perhubungan Awam (*Public Relations and Governmental Public Relations*). Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat jabatan: Sekolah Sains Sosial (Komunikasi), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Beg Berkunci 2073, 88999 Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. E-mail: syahag@ums.edu.my

PENDAHULUAN

Jentera kerajaan yang diterajui oleh parti komponen Barisan Nasional (BN) meletakkan pelan rancangan pembangunan bersepadu di peringkat nasional dan kandungan bajet 2008 sebagai sandaran untuk memancing undi dalam Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) di Malaysia. Perdana Menteri selaku pengerusi BN pusat, bersama jentera pentadbiran kerajaan, dianggap sebagai arkitek kepada pembangunan sosio-budaya dan sosio-ekonomi negara untuk tempoh 3 tahun sebelum dan seterusnya selepas PRU-12 telah berlangsung pada 8hb Mac 2008.

Perkara menarik yang perlu disorot untuk mengesan di mana dan bagaimana kerajaan menangani isu sosio-budaya dan sosio-ekonomi negara ini adalah menerusi kupasan andungan manifesto Barisan Nasional lebih mirip kepada pembentangan laporan bajet dan pelan perancangan menyeluruh dalam Rancangan Malaysia ke-9. Semua angka, falsafah dan gerakerja diolah menjadi satu agar kelihatan mantap di mata pengundi. Pilihan untuk mengisi manifesto dengan laporan kemajuan yang telah dicapai negara semenjak Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi memegang tampuk pemerintahan negara dianggap sebagai tepat kerana jika ditinjau dari sudut pandangan mata akarumbi, kerajaan kini sedang berdepan dengan pelbagai macam masalah di semua peringkat pentadbiran dan pengurusan.

Institusi kerajaan kini dibelenggu dengan pendedahan demi pendedahan kes berkaitan salah laku penjawat awam. Dalam masa yang sama, isu global dan serantau turut menggamit perhatian sebilangan besar warga Malaysia untuk sekurang-kurangnya mempersoal kemampuan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barangan pengguna dan bahan api. Semua ini tidak disejajarkan dengan sempurna dalam manifesto yang seharusnya bersifat realistik demi mendapat sokongan padu daripada akarumbi dan prospek pengundi di negara ini.

Manifesto Barisan Nasional setebal 23 mukasurat diperkayakan dengan bahan berkaitan dengan kandungan laporan gerakerja dalam semua perkara membabitkan ekonomi dan sosial. Seperkara yang perlu diingat adalah rakyat sebagai pembayar cukai dan sasaran dasar awam perlu dimaklumkan tentang rekod pencapaian dan rangka rancangan mengikut tempoh. Ini penting kerana rakyat sebagai pengundi parti-parti yang bertanding dalam PRU-12 amat sensitif kepada persoalan tentang apa yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setelah tempoh mandat yang diberikan rakyat hampir tamat.

Rekod kejayaan yang telah dikecapi oleh pemerintah sejak lima dekad yang lalu memberikan gambaran tentang kemampuan parti yang menerajui kerajaan untuk meneruskan kejayaan demi kejayaan sekiranya terus diberikan kepercayaan untuk memikul tugas berkenaan menerusi peti undi (Puthuchear & Othman eds., 2005). Namun adakah taktik yang digunakan dalam manifesto juga diulang, seperti yang telah dilakukan dalam musim Pilihan Raya yang lalu?

Secara umum, manifesto BN masih mengekalkan gaya penyampaian yang sama. Taktik memuatkan teks retorik menguasai semua kandungan manifesto. Hal ini berlaku kerana jentera kempen parti pemerintah seolah-olah meyakini taktik sedia ada berkesan digunakan untuk ke sekian kalinya.

PENERANGAN TIDAK BERSIFAT REALISTIK

Manifesto Barisan Nasional menggambarkan idealisme kerajaan dalam merangka dan melaksanakan rancangan pembangunan dalam semua aspek. Namun, perlu diingat segalanya perlu berpijak di bumi nyata. Terdapat kekurangan atau kekangan dalam melaksanakan apa juga visi yang diselitkan dalam manifesto. Rakyat umumnya tidak mengharapkan penerangan secara panjang-lebar tentang apa yang pihak pemerintah telah, sedang dan akan lakukan untuk mereka. Apa yang diingini oleh rakyat hanyalah kejujuran kerajaan dalam menentukan bahawa pelaksanaan pelan pembangunan sedang diusahakan dan terdapat halangan atau mungkin cabaran yang menyebabkan wujud elemen gangguan yang melambatkan sesetengah projek (Mohd. Hamdan Haji Adnan, 2004).

Tertera di kulit manifesto, "Malaysia 2008: Laporan Kemajuan dan Manifesto" sebagai satu jaminan bahawa terdapat usaha dalam perancangan dan pelaksanaan separuh jalan di pihak parti pemerintah untuk negara ini yang perlu diketahui dan dipersetujui oleh massa. Tema "laporan kemajuan" secara langsung memberikan panduan kepada akarumbi tentang usaha yang masih giat dijalankan dan belum selesai dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat dalam Rancangan Malaysia ke-9. Aspek "manifesto" pula dikaitkan secara langsung kepada "laporan kemajuan", yakni apa yang sedang diusahakan tetapi masih belum dapat dilaksana.

Paparan gambar dan teks secara grafik boleh menggigit perhatian prospek pengundi dan akarumbi untuk melihat pengaruh pemimpin dan gagasan idea yang diperjuangkan dalam media kempen politik (Coleman & Wasike, 2004). Sungguhpun begitu, kandungan mesej lebih utama dan menjadi fokus perbincangan dalam kalangan pengundi berbanding cara mesej atau gambar berkaitan dengan parti ditonjolkan dalam manifesto.

Penyelesaian bagi perancangan sedia ada hanya akan dapat direalisasikan sekiranya rakyat terus memberikan sokongan kepada parti pemerintah. Kenyataan bertulis yang bersifat retorik adalah lazim dalam mana-mana penerbitan manifesto Pilihan Raya. Gambaran makro yang cuba dibawa oleh sesebuah parti semestinya berusaha menyembunyikan kecacatan atau kekurangan yang ada pada pelan induk perancangan sesebuah parti untuk dilaksanakan jika parti berkenaan berjaya dalam Pilihan Raya yang berkenaan. Sila tengok kenyataan di bawah ini:

[...] lapan perkara menjadi tunjang dan ikrar manifesto bertemakan "Selamat, Aman dan Makmur" itu disertakan dengan laporan kemajuan yang dilaksanakan Kerajaan BN sejak 2004 hingga 2007 (*Berita Harian*, 26/2/2008:1).

Sebanyak 61 ikrar bagi semua lapan perkara yang dijanjikan oleh BN disusun dengan begitu teliti, khusus untuk menyediakan jawapan kepada rakyat yang mempersoalkan tentang apa yang telah dibuat oleh kerajaan menerusi agensi-agensinya untuk menangani permasalahan yang timbul di sebalik setiap satu perkara yang dijanjikan itu.

Apa yang dimaksudkan dengan ikrar itu adalah jaminan yang diberikan sebagai kontrak yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah. Namun, perlu diingat bahwa ikrar berbanding janji lebih besar maknanya secara tersirat di mana pihak parti pemerintah perlu secara serius menganggap bahawa setiap ikrar harus diamalkan secara nyata.

Dalam konteks ini C.A. Gunther & T.C. Christen (2002) berpendapat bahawa persepsi pembaca akhbar lebih terarah kepada bagaimana satu-satu isu dapat diketengahkan dan diselaraskan dengan realiti yang sedang dihadapi oleh pembaca akhbar berkenaan. Satu mukasurat beraiz *broadsheet* disertakan dengan gambar kanak-kanak sekolah rendah pelbagai kaum di sebuah kelas cuba memberikan gambaran tentang keprihatinan pihak kerajaan dalam usaha membangunkan sektor pendidikan negara.

Terdapat satu terbitan advertorial satu mukasurat yang mempamerkan logo BN di sudut kiri bawah mukasurat penuh sebuah akhbar yang diselitkan dengan kata-kata seperti berikut:

Pendidikan Percuma untuk Semua [...] RM30 Bilion – Jumlah yang diperuntukkan bagi membina lebih banyak sekolah dan universiti serta subsidi yuran sekolah dan buku teks. **Kini, semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pendidikan yang percuma dan berkualiti** – kerana kami prihatin (*Berita Harian*, 26/2/2008:2).

Akarumbi dan prospek pengundi boleh mempersoalkan tiga aspek daripada apa yang cuba ditonjolkan dalam advertorial, iaitu: (1) tidak ada perincian perbelanjaan sebanyak RM30 Bilion. Ke manakah setiap sen daripada wang peruntukan ini disalurkan untuk pendidikan, walhal apa yang digambarkan dalam foto tidak mencerminkan nilai wang tersebut; (2) apakah gambaran “percuma” dalam pendidikan di semua peringkat, walhal dalam beberapa ketika yang lalu menjelang Pilihan Raya, isu yuran sekolah hangat diperkatakan sehingga diperdebatkan di parlimen; dan (3) apakah yang dimaksudkan dengan “berkualiti”, sedang pada ketika ini ada laporan berita mengatakan bahawa terdapat sebilangan pelajar di sekolah menengah yang masih tidak tahu membaca, guru ponteng kerja, isu prasarana pendidikan dan isu pendidikan di luar bandar.

Paparan mesej manifesto di media bersifat ideal dan secara konsisten mengetepikan aspek realiti dalam kehidupan masyarakat yang membeli dan membaca akhbar berkenaan. Secara tidak langsung, penggunaan media boleh menyumbang ke arah gagalnya satu-satu pakej manifesto (Moy *et al.*, 2004). Adalah amat mudah menyatakan amaun wang yang diperuntukkan atau dibelanjakan untuk satu-satu projek pembangunan berbanding menjelaskan satu-persatu aliran wang dan tujuan penggunaan wang secara terperinci.

Penceritaan secara berlebih-lebihan ada had dan kebbaikannya kepada si pencerita dan pada ketika lain ada pula tanggungjawab yang perlu digalas untuk menjawab persoalan dari kalangan sasaran perlaksanaan setiap apa yang diperkatakan tadi.

Perincian terhadap setiap sen, masa, kebendaan, sumber manusia dan pelan secara keseluruhan dapat membantu akarumbi melihat bentuk gerakerja yang sedang diusahakan oleh pihak pemerintah. Hal yang demikian dapat mengawal skop pemerhatian akarumbi terhadap ketelusan dan paling penting kesungguhan parti yang memerintah menunaikan janji-janji politik mereka, sama ada yang masih belum selesai dalam Pilihan Raya ke-11 dalam tahun 2004 yang lalu mahu pun yang ingin disajikan pada Pilihan Raya tahun 2008.

JASA PEMERINTAH UNTUK DIHITUNG OLEH RAKYAT

Antara budi dan tanggungjawab? Satu persoalan yang dijawab oleh parti pemerintah tentang untuk apa penceritaan pencapaian RMK-9 (Rancangan Malaysia ke-9) menerusi manifesto parti perlu dilakukan, walhal jarak masa untuk setiap satu sasaran yang ingin dicapai dalam rancangan nasional berkenaan masih jauh. Rakyat memiliki pelbagai akses untuk mempertimbangkan satu-satu isu atau perkara yang diajukan sebagai bahan kempen. Kandungan manifesto parti pemerintah sudah dijangka lebih awal oleh kebanyakan ahli masyarakat. Pengumuman seawal 9 bulan untuk Pilihan Raya Umum diadakan sebelum tarikh mandat parti pemerintah berakhir sudah tentu menjelaskan bahawa hanya isu-isu sedia ada sahaja yang mampu dibawa sebagai bahan kempen selain daripada usaha menepis dakwaan pihak pembangkang terhadap kerajaan.

Pilihan terbaik bagi parti pemerintah adalah untuk membentangkan pelan yang sedia ada dan dalam rangka penyelesaian semata-mata. Untuk itu, maka Rancangan Malaysia ke-9 dan Misi Nasional menjadi sebab terbaik dan relevan untuk disajikan sebagai intipati manifesto dalam kempen politik parti pemerintah. Hal yang demikian memberi kesan langsung kepada permintaan, yakni kehendak semasa rakyat secara am dari sudut sosial dan ekonomi. Cuba lihat kenyataan berikut ini:

[...] janji BN itu jelas mempunyai tiga komponen utama **yang dikehendaki rakyat**, iaitu kesejahteraan hidup, projek berimpak jangka panjang serta pembangunan lestari - Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang TNC (Penyedilikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia (*Berita Harian*, 26/2/2008:7).

Petikan akhbar yang menyebut kenyataan golongan cendekiawan sememangnya menjadi kemestian kepada mana-mana laporan akhbar yang diterbitkan khusus untuk memberi gambaran tentang kekuatan satu-satu pelan perancangan satu-satu pihak. Andaian di pihak media adalah bahawa rakyat memahami dan menyokong penuh mana-mana pelan yang diperakui oleh pakar dalam bidang berkenaan (Fuyuan Shen, 2004).

Namun, kini pertimbangan akarumbi dan pengundi bukanlah atas dasar kata-kata hikmat dan pengesahan teknikal pihak yang berwajib atau golongan cerdik pandai semata-mata. Politik pembangunan di Malaysia hakikatnya sudah menghampiri tahap kematangan apabila rakyat dari kalangan generasi muda kian berani dan bijak dalam mengutarakan isu-isu yang berkait-rapat dengan fungsi kerajaan. Di sini jelas bahawa rakyat tidak melihat kerajaan sebagai satu institusi yang berkuasa penuh dalam menentukan bentuk pembangunan yang sepatutnya diterima oleh rakyat. Persoalan tentang integriti, sistem urustadbir dan kemampuan agensi kerajaan menangani isu-isu semasa menjadi pokok perbincangan tentang parti mana yang layak dipertimbangkan untuk dipilih menerajui kerajaan.

Sasaran parti pemerintah dalam usaha mereka membentangkan “Laporan Kemajuan dan Manifesto” bagi PRU-12 ini mengikut keutamaan adalah akarumbi parti pembangkang, akarumbi parti pemerintah dan golongan atas pagar. Jika diteliti dengan mendalam, dua elemen penting yang cuba diterjemahkan dalam manifesto ini adalah: (1) perlambangan kuasa parti pemerintah; dan (2) pengalaman yang membentuk personaliti parti pemerintah sebagai pilihan tunggal oleh rakyat bagi parti pemerintah ini terus diberikan mandat memerintah negara sampai bila-bila.

Aspek kuasa menjamin semua perancangan dalam RMK-9 dijayakan secara optimum. Prinsip kuasa penentu masa depan digarap dengan halus dalam komunikasi pembangunan yang diperjuangkan menerusi manifesto kali ini. Beberapa kali ungkapan “50 tahun” diulang bagi memberikan kesedaran tentang siapa parti pemerintah di negara ini dan dengan cara ini, parti pemerintah berjaya menonjolkan dirinya sebagai memiliki personaliti positif sebagai kerajaan yang berkredibiliti.

HANYA YANG “TERBAIK” SEBAGAI TEMA PENCERITAAN

Kesempurnaan adalah sesuatu yang ideal. Ciri-ciri kandungan penceritaan secara lateral memberikan gambaran yang positif secara konsisten terhadap perkara yang dibincangkan dalam manifesto. Kesilapan paling besar manusia adalah alpa dan dalam masa yang sama gagal memberikan ruang terhadap kelemahan yang wujud dalam diri dan persekitarannya. Naratif yang berjela-jela dan membesar-besarkan perkara yang sedia diketahui umum tampak indah dan dirasakan sebagai baik oleh sesiapa yang membaca kandungan teks manifesto berkenaan.

Ruang yang sepatutnya diisi secara jujur untuk menarik perhatian prospek pengundi tidak digunakan dengan betul. Tumpuan diberikan lebih kepada penceritaan tentang perkara yang baik dan idealistik dan tidak kepada suasana sebenar di daerah, kawasan luar bandar dan juga kawasan yang jauh terpencil daripada tema perkara atau lokasi yang diungkapkan dalam setiap teks manifesto. Huraian setiap satu pencapaian dalam manifesto memberikan gambaran tentang sikap optimis pemimpin terhadap apa yang sedang diusahakan oleh kerajaan untuk rakyat. Sungguhpun begitu, rakyat boleh

melihat setiap satu kenyataan berbaur retorik ini dari pelbagai perspektif, baik dari sudut kepentingan pihak kerajaan mahupun keperluan yang diinginkan pihak massa (Puthuchearry & Othman eds., 2005).

Terdapat banyak isu yang timbul dalam tempoh empat tahun era pasca pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang kelima ini, Abdullah Ahmad Badawi. Isu rasuah, salahguna kuasa dan harga barangan pengguna yang tidak stabil mencerminkan sistem sedia ada yang masih belum dapat diselua dengan baik. Gagasan idea kerajaan menerusi pembangunan modal insan dan perang membanteras rasuah masih belum mencukupi dalam rangka kerja utama pihak pemerintah menangani isu pembangunan dan fungsi sektor awam.

Tindak-tanduk kerajaan, baik yang berjaya mencapai objektif mahupun yang masih diusahakan, perlu dimuatkan dalam manifesto PRU-12. Dua implikasi melakukan perkara sebegini adalah: (1) rakyat melihat kerajaan pada kedudukan sedia ada dan perlu disokong untuk terus dinamik dalam usaha menangani isu tersebut; dan (2) mungkin kredibiliti kerajaan yang sedia ada kian terhakis kerana masih gagal mencapai objektif menggunakan sumber dan masa yang telah diberikan dalam Pilihan Raya sebelum ini.

Sungguhpun begitu, alasan yang kukuh boleh diberikan dan dijelaskan dengan betul dalam manifesto. Satu pendekatan yang sesuai adalah dengan mengaitkan soal rekabentuk dan cara menangani satu-satu isu yang memerlukan masa atau sumber yang banyak berbanding isu-isu lain (Sharpe, 2000). Soal tabiat, budaya dan sikap, misalnya, mungkin boleh digunakan sebagai sebab mengapa isu rasuah dan penyalahgunaan dadah masih gagal diatasi pada tahap optimum.

Lapan teras yang dimuatkan dalam manifesto Pilihan Raya tahun 2008 menggambarkan tahap pencapaian interim pihak kerajaan yang memerintah. Terdapat beberapa gagasan idea yang cuba diselitkan dalam setiap satu tema bagi setiap satu daripada lapan teras berkenaan. Parti pemerintah tampak berusaha keras untuk memenuhi semua keperluan rakyat, baik dari segi keperluan asasi, keselamatan, pendidikan, keselesaan hidup dalam proses urbanisasi mahupun juga alam sekitar.

KESIMPULAN

Parti pemerintah seharusnya sensitif dan akur dengan perubahan semasa membabitkan perubahan teknologi, "wajah" dan kehendak generasi baru yang menjadi pengundi dan juga isu yang berlegar-legar dalam masyarakat hari ini. Penggunaan kaedah naratif sahaja tidak memadai untuk pihak pemerintah mempertaruhkan jasa dan kebaikan yang pernah dan sedang diusahakan untuk kemaslahatan semua pihak. Pembuktian terhadap usaha penyelesaian isu sedia ada adalah antara akujanji yang boleh memberi kesan langsung terhadap kebolehpercayaan rakyat terhadap mutu kepimpinan dalam komponen parti pemerintah dan juga pucuk pimpinan Barisan Nasional.

Manifesto yang baik seharusnya tidak menggunakan taktik naratif untuk memberikan gambaran tentang pencapaian atau kapasiti kerajaan sedia ada

dalam mencorakkan masa depan negara. Janji yang baik, walaupun pada tahap politik, sepatutnya memasukkan elemen realistik dari sudut had dan kekangan untuk melaksanakan sesuatu. Penentuan tentang perkara yang boleh dilaksanakan dalam bentuk dan cara yang logik dapat membawa satu dimensi kepada cara masyarakat atau akarumbi berfikir tentang siapakah calon yang boleh melaksanakan janji dan bagaimana parti politik yang berjanji itu boleh memetakan tindakan mengikut keadaan (Wyatt, Katz & Kim, 2000).

Parti pemerintah perlu memikirkan cara terbaik untuk “membaca minda” akarumbi dan prospek pengundi hari ini. Gelagat mereka ini mungkin berbeza dalam banyak perkara berbanding pengundi dan akarumbi yang hidup dalam era tahun 1970-an dan 1980-an. Akses maklumat yang banyak, kewujudan badan bukan kerajaan yang pelbagai dari segi aktiviti dan tujuan, malah juga pengaruh globalisasi memberi kesan tidak langsung kepada corak pemikiran generasi hari ini (Thomas & Nain, 2004). Hal yang demikian menjelaskan secara prinsip mengapa kaedah naratif kurang memberi impak kepada pengundi untuk meyakini ideologi dan visi yang diperjuangkan oleh parti pemerintah.

Isu-isu pemimpin dan kepimpinan mula muncul di ambang kempen Pilihan Raya Umum ke-12 tahun 2008. Isu menantu Perdana Menteri, harga barangan keperluan pengguna yang tidak stabil, kos bahanapi meningkat dan perpaduan dalam kalangan ahli parti pemerintah dan parti komponen BN tidak ditangani dengan cekap (Shukor Omar, 2003). Adakah jumlah beban menjawab persoalan bagi semua isu ini sama berat dengan “Laporan Kemajuan RMK-9” seperti yang tertera dalam manifesto BN kali ini? Kesedaran tentang perkara ini tidak langsung diterjemahkan dalam teks manifesto parti pemerintah. Perancang bahan dalam manifesto seharusnya faham dan sensitif kepada tindak-tanduk massa yang sentiasa memerhati dan memberi komentar terhadap apa yang disajikan oleh parti pemerintah kepada mereka dalam bentuk janji-janji politik. Rakyat kian “dewasa” dan belajar daripada setiap apa yang diberikan, dijanjikan, dijamin oleh parti pemerintah dan inilah lompong yang tidak diisi oleh parti pemerintah di saat mereka menguar-uarkan kandungan manifesto mereka.

Bibliografi

- Akhbar *Berita Harian*, “Jaminan Masa Depan Rakyat: Manifesto BN Senarai 61 Ikrar untuk Bawa Kemajuan dalam Tempoh Lima Tahun”. Kuala Lumpur: 26 Februari 2008 [Selasa], ms.1.
- Akhbar *Berita Harian*, “Tingkat Taraf Hidup: Pakar Ekonomi Puji Usaha Kerajaan Peningkat Keselesaan Rakyat”. Kuala Lumpur: 26 Februari 2008 [Selasa], ms.7.

- Coleman, R. & B. Wasike. (2004). "Visual Elements in Public Journalism Newspapers in an Election: A Content Analysis of the Photographs and Graphics in Campaign 2000" dalam *Journal of Communication*, 54(3), ms.456-473.
- Fuyuan Shen. (2004). "Chronic Accessibility and Individual Cognitions: Examining the Effects of Message Frames in Political Advertisements" dalam *Journal of Communication*, 54, ms.123-137.
- Gunther, C.A. & T.C. Christen. (2002). "Projection or Persuasive Press? Contrary Effects of Personal Opinion and Perceived News Coverage on Estimates of Public Opinion" dalam *Journal of Communication*, 52, ms.177-195.
- Mohd. Hamdan Haji Adnan. (2004). *Government Public Relations: Persuasion, Personality and Power*. Kajang, Selangor: APRA.
- Moy, P. et al. (2004). "Political Correlates of Local News Media Use" dalam *Journal of Communication*, 54(3), ms.532-546.
- Puthucherry, M. & Norani Othman [eds.]. (2005). *Elections and Democracy in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharpe, L.M. (2000). "Developing a Behavioral Paradigm for the Performance of Public Relations" dalam *Public Relations Review*, 26(3), ms.345-361.
- Shukor Omar. (2003). *The Malay Lost World with Emphasis on Entrepreneurship*. Shah Alam, Selangor: ANZAGAIN.
- Thomas, N.P. & Zaharom Nain. (2004). *Who Owns the Media? Global Trends and Local Resistances*. Penang, Malaysia: Southbound.
- Wyatt, O.R., E. Katz & Joohan Kim. (2000). "Bridging the Spheres: Political and Personal Conversation in Public and Private Spaces" dalam *Journal of Communication*, 50(1), ms.71-92.



Pilihan untuk mengisi manifesto dengan laporan kemajuan yang telah dicapai negara semenjak Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi memegang tampuk pemerintahan negara dianggap sebagai tepat kerana jika ditinjau dari sudut pandangan mata akarumbi, kerajaan kini sedang berdepan dengan pelbagai macam masalah di semua peringkat pentadbiran dan pengurusan.